




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

---

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **160 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **50,374 kes**. Tiga (3) kes kematian direkodkan pada hari ini iaitu dua (2) kes di daerah Beaufort dan satu (1) kes di daerah Tuaran. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
  
- 2 Pada hari ini, seramai 252 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 47,779 orang. Sejumlah 1,680 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 670 orang di hospital, 1,008 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan dua (2) orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 76 orang dan 23 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Semporna berubah dari zon jingga ke zon kuning. Manakal Daerah Beluran bertukar dari zon jingga ke zon merah.

4 **Tiada** kluster baharu dilaporkan hari ini.

5 Daripada 160 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 95 kes (59.4%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 23 kes (14.4%), saringan kluster sedia ada lima (5) kes (3.1%), kluster PERKESO lima (5) kes (3.1%) dan 32 kes (20%) adalah dari lain-lain kategori.

6 Jumlah kapasiti katil di hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,078 unit, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam berjumlah 4,033 unit dan jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara pula 1,000 unit. Ini menjadikan jumlah kapasiti katil ialah 6,111 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 27.49%.

## **B BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Sehingga 7 Februari 2021, sejumlah **7,547** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan dibawah program bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

## **C LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM INFO ON WHEELS**

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 51 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 42,918 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 229 buah kenderaan diarah berpatah balik. Tiga (3) tangkapan dibuat dan 45 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 61 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang melibatkan sebanyak 210 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 126 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Pada hari ini, tiada tangkapan dibuat.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tujuh (7) premis, melibatkan lima (5) buah daerah iaitu Daerah Kota Kinabalu, Sandakan, Keningau, Tawau dan Semporna.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 117 lokasi melibatkan sembilan (9) daerah. Hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Inggeris dan pelbagai bahasa Etnik Sabah.
- 5 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 325 hebahan di seluruh Sabah.

**D KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **92.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Kota Belud	94%
2	Sipitang	93.5%
3	Tenom	93.5%
4	Ranau	93.5%
5	Beluran	93.5%
6	Kunak	93%
7	Kinabatangan	93%
8	Beaufort	93%
9	Kudat	93%
10	Kota Marudu	92.5%
11	Keningau	92.5%
12	Tuaran	92%
13	Semporna	92%
14	Lahad Datu	92%
15	Penampang	91.5%
16	Kota Kinabalu	91.5%
17	Sandakan	91.5%
18	Tawau	91.5%
19	Papar	91%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.

**Masyarakat diingatkan agar terus mematuhi SOP yang telah ditetapkan dengan tidak mengadakan sebarang aktiviti sosial semasa PKP ini bagi membendung penularan pandemik Covid19.**

**#kitajagakita #normabaharu**

**Sekian.**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
7 Februari 2021**